



# KEMPEN ‘SEMAK HADĪTH SEBELUM SEBAR’ ANTARA TRADISI AHLI HADĪTH DAN DAKYAH ‘WAHABI’

(The Campaign 'Check the Ḥadīth Before Spreading': Between the Tradition of Ḥadīth Scholars and 'Wahabi' Propaganda)

Hanaffie Hasin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>School of Shari'a, The University of Jordan

## Abstract

The Noble Qur'an and ḥadīth are two main sources of revelation that serve as crucial pillars for the Islamic faith. However, there are several significant differences between these two sources of revelation. The most notable difference lies in terms of *thubūt* (the authenticity of the transmission of the revelation to its source). Unlike the Noble Qur'an, which has reached the Muslim community through *mutawātir* (mass-transmitted) chains of narration, the majority of ḥadīth have been transmitted to Muslims through *āḥād* (singularly transmitted) chains, which are open to criticism regarding their authenticity (*ṣādiq*) or falsehood (*kāzib*) in their transmission to the original source, the Prophet Muhammad (peace be upon him). Scholars from various fields, such as *muḥaddithūn* (ḥadīth scholars), *fuqahā'* (jurists), and *uṣūliyyūn* (theologians), have laid down various criteria for evaluating the acceptance of a ḥadīth (*maqbul*). If a ḥadīth fails to meet any of the established criteria, it is deemed rejected (*mardūd*). Given the reality that a ḥadīth could be true or false in its attribution to the Prophet Muhammad (peace be upon him), many contemporary ḥadīth researchers in Malaysia have launched the campaign 'Check the Ḥadīth Before Spreading.' On the surface, this campaign is commendable and in line with the tradition of ḥadīth scholars who have always emphasized the importance of verifying the status of ḥadīth before accepting or disseminating them. However, there are some who seemingly do not support this campaign and even argue that it is a 'Wahabi' propaganda in Malaysia, attempting to surpass the wisdom of past ḥadīth scholars who never engaged in such a campaign. This reaction has sparked controversy within the discourse of contemporary ḥadīth studies in Malaysia. This paper aims to unravel these issues and shed light on the status of this campaign according to the principles and methodologies of knowledge within the tradition of Islamic ḥadīth studies.

**Kata Kunci:** Ḥadīth, Campaign, Methodology, Status, Wahabi

## Article Progress

Received: 29 August 2023  
Revised: 12 September 2023  
Accepted: 16 October 2023

\*Corresponding Author:  
Hanaffie Hasin.  
School of Shari'a, The  
University of Jordan.

Email:  
sahabah84@gmail.com

## PENDAHULUAN

Ḥadīth mempunyai kedudukan yang sangat tinggi, mulia dan penting dalam agama Islam. Dalam tradisi keilmuan Islam, ḥadīth berada pada tempat kedua selepas *al-Qurān al-Karīm* yang berfungsi sebagai dalil dan teras dalam pelbagai permasalahan agama Islam yang merangkumi pelbagai cabang seperti akidah, perundangan, tarbiah dan akhlak. Kedudukan tinggi ḥadīth ini telah dinyatakan secara jelas dan berulang kali dalam pelbagai ayat *al-Qurān* dan ḥadīth (*al-Sibā'ī*, 1983).

Allah SWT berfirman (maksudnya):

“Wahai orang yang beriman, taatilah Allah SWT dan taatilah *al-Rasūl* (Muḥammad SAW) dan *ūlī al-amr* dalam kalangan kalian. Jika kalian berselisih pendapat berkaitan sesuatu perkara, maka kembalikanlah perkara tersebut kepada Allah SWT (*al-Qurān al-Karīm*) dan Rasul-Nya SAW (*ḥadīth*), jika kalian benar-benar beriman kepada Allah SWT dan Hari Kiamat. Yang demikian itu adalah lebih utama (bagi kalian) dan lebih baik akibatnya.” (*al-Nisā'*: 59).

Rasulullah SAW juga telah memberi wasiat kepada umat Islam agar berpegang teguh dengan kedua-dua sumber wahyu ini supaya mereka kekal berada atas jalan kebenaran dan tidak tersesat jalan menuju Allah SWT. Baginda SAW bersabda (maksudnya):

“Aku telah tinggalkan untuk kalian dua perkara. Kalian tidak akan sekali-kali sesat selama mana kalian berpegang teguh kepada kedua-duanya: *Kitābullāh (al-Qurān al-Karīm)* dan *Sunnah Nabi-Nya.*” (Malik, 2004).

Berkaitan *ḥadīth* yang kebanyakannya diriwayatkan secara *āḥād* dan bukannya secara *mutawātir*, para ulama Islam, sama ada *muḥaddithūn*, *uṣūliyyūn* atau *fuqahā'* telah memikul tanggungjawab besar untuk memastikan kesahihan penisbahan sesuatu *ḥadīth* kepada Rasulullah SAW (Ibn Ḥajr, 2000). Tanggungjawab mereka tidak terhenti hanya pada peringkat itu sahaja, bahkan mereka juga telah meletakkan pelbagai garis panduan dan metodologi ilmiah untuk memastikan bahawa *ḥadīth* yang *thābit* daripada Rasulullah SAW tersebut difahami dan diamalkan berlandaskan kefahaman yang benar dan tidak menyeleweng. Kaedah dan metodologi ilmiah untuk berinteraksi dengan *ḥadīth* Rasulullah SAW secara *riwāyatan* dan *dirāyatan* ini telah dikumpulkan di bawah dua payung utama dalam tradisi keilmuan Islam iaitu *‘Ilm Uṣūl al-Ḥadīth* dan *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh* (al-Qaraḍāwī, 1992). Kaedah dan metodologi ilmiah tersebut telah diwarisi daripada para ulama Islam sepanjang zaman sehinggalah dewasa ini.

Dalam konteks perkembangan ilmu *ḥadīth* kontemporari di Malaysia, kesedaran terhadap kedudukan dan martabat *ḥadīth* dalam Islam telah mendorong sekumpulan ilmuan *ḥadīth* tempatan untuk mewujudkan Lajnah Tahqiq Hadis di bawah Kementerian Dalam Negeri pada peringkat nasional, manakala sebahagian ilmuan lain pula telah melancarkan kempen ‘Semak *Ḥadīth* Sebelum Sebar’ dan mereka telah menjadikan masyarakat awam sebagai sasaran kempen tersebut. Kempen ini telah mendapat sambutan daripada para pencinta *ḥadīth* di Malaysia sehingga tertubuhnya sebuah website yang membawa nama semakhadis.com dan mereka juga telah membuat sebuah halaman di aplikasi Facebook di bawah nama kempen ‘Semak Hadis Sebelum Sebar’.

Usaha dan kempen sebegini telah dilancarkan dengan niat dan tujuan yang murni iaitu untuk menjaga ketulenan *ḥadīth* Rasulullah SAW dan mengekang penyebaran *ḥadīth mawḍū'* dan *ḥadīth* yang tiada asal-usulnya dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia terutamanya pada zaman teknologi maklumat dan media sosial yang membantu pemindahan sesuatu maklumat secara cepat dan tanpa batasan.

Walaupun begitu, terdapat sebahagian agamawan di Malaysia yang seolah-olah menolak kempen ini dan menyatakan bahawa ini adalah dakyah Wahabi. Pada masa yang sama, Wahabi adalah satu labelan yang mempunyai konotasi yang sangat negatif dalam masyarakat Malaysia kerana ia seringkali digunakan untuk merujuk kepada golongan yang menyimpang dan menyeleweng daripada landasan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* sama ada dari sudut akidah, fiqh atau tasawuf. Oleh itu, sebarang kempen yang didokong oleh ilmuan yang dilabel sebagai Wahabi perlulah ditolak dan ditinggalkan. Akhirnya, kempen ‘Semak *Ḥadīth* Sebelum Sebar’ akan menemui jalan buntu. Rentetan daripada itu, natijah buruk yang akan menimpa masyarakat Islam di Malaysia ialah ia akan membuka pintu yang luas kepada tersebarnya *ḥadīth mawḍū'* dan *ḥadīth* yang tiada asal-usulnya dalam masyarakat tanpa sebarang semakan, tapisan dan kritikan balas daripada para ilmuan dengan alasan bahawa *ḥadīth* tersebut sudah disebutkan dalam kitab para ulama dan apakah kedudukan ilmuan tersebut berbanding para ulama terdahulu?

Oleh yang demikian, tanpa mengambil kira sama ada benar wujudnya atau tidak wujudnya sebahagian agamawan yang seolah-olah menolak kempen tersebut, tujuan utama kajian ini adalah untuk membuktikan bahawa usaha menyemak status sesebuah *ḥadīth*, sebagai langkah pertama sebelum dijadikan hujah dan sandaran dalam pelbagai permasalahan ilmu Islam, adalah tuntutan agama Islam itu sendiri. Ia adalah tradisi warisan turun-temurun para ulama Islam zaman berzaman sehinggalah era

kontemporari ini. Kajian ini juga akan membuktikan bahawa usaha menyemak status sesebuah *ḥadīth* sebelum disebarkan bukanlah dakyah Wahabi, bahkan ia adalah seruan para ulama Islam yang merentasi sebarang aliran dan mazhab pemikiran. Jika ramai pihak yang terlibat dengan gerakan ini adalah dalam kalangan yang seringkali dilabel sebagai Wahabi sekalipun, maka ia secara tidak langsung membuktikan kecintaan dan keseriusan mereka terhadap ilmu *ḥadīth*.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi penentuan subjek yang memfokuskan kepada pensejarahan kritik *ḥadīth* dari segi asas, sejarah, metodologi, disiplin dan sumbangan para ulama *ḥadīth* sepanjang zaman dalam memelihara ketulinan *ḥadīth* Rasulullah SAW. Segala data yang diperlukan telah dikumpul menggunakan metodologi pengumpulan data seperti metode perpustakaan, dokumentasi dan historis. Data yang telah dikumpulkan telah dianalisis menggunakan metodologi analisis data seperti induktif, deduktif dan komparatif.

## ASAS SEMAK *ḤADĪTH* ADALAH TUNTUTAN *AL-QURĀN* DAN *ḤADĪTH*

*Al-Qurān al-Karīm* telah meletakkan beberapa batu asas utama yang menjadi paksi bagi ilmu *ḥadīth* dalam menerima sebarang khabar dan riwayat. Asas pertama ialah supaya diterima persaksian orang yang *ādil* sahaja (*al-Ṭalāq*:2). Asas yang kedua pula ialah *al-tathabbut* (berhati-hati dalam melakukan semakan untuk memastikan kesahihan) kerana perawi sesebuah khabar atau riwayat tersebut mungkin sengaja atau tidak sengaja melakukan kesilapan dalam periwayatannya (*al-Hujurāt*:6).

Rasulullah SAW juga telah meletakkan batu asas supaya tiada orang Islam yang berdusta atas nama Rasulullah SAW dan Baginda SAW telah menyatakan secara jelas bahawa berdusta ke atas Baginda SAW adalah tidak sama dengan berdusta ke atas manusia lain (Muslim, 1955). Baginda SAW telah memberi amaran keras berkaitan dosa berdusta atas nama Baginda SAW dengan balasan neraka. (al-Bukhari, 1993).

Baginda SAW juga telah memberikan peringatan bahawa akan munculnya para *dajjāl* yang berdusta yang meriwayatkan *ḥadīth* yang tidak pernah dikenali oleh generasi sebelum ini. Baginda SAW telah menggesa umat Islam supaya menjauhi para *dajjāl* pendusta tersebut supaya mereka tidak terfitnah dan disesatkan oleh mereka. (Muslim, 1955).

Oleh yang demikian, para ulama Islam sedari zaman para sahabat RA sehinggalah era ini telah berusaha sedaya upaya mereka untuk memelihara kemurnian dan kesucian *ḥadīth* Rasulullah SAW daripada sebarang anasir yang boleh merosakkan, menjatuhkan atau menghilangkan kredibiliti dan status *ḥadīth* dalam tradisi Islam. Hakikat ini akan diterangkan secara ringkas dan jelas dalam kajian ini.

## SEMAK *ḤADĪTH* DALAM KALANGAN SAHABAT RA

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, para sahabat RA telah mempraktikkan *al-manhaj al-Qurānī al-Nabawī* ini dalam berinteraksi dengan *ḥadīth* Rasulullah SAW. Secara umumnya, praktik mereka boleh disimpulkan dalam poin-poin di bawah ini:

### 1. Pendetilan Perawi Dan Sanad

Para sahabat RA adalah '*udūl* dan dipercayai iaitu mereka tidak pernah sekali-kali berdusta atas nama Rasulullah SAW. Ini adalah sebuah hakikat yang telah disepakati oleh umat Islam kecuali segelintir *ahl al-bida' wa al-ahwā'* seperti Syi'ah dan Khawārij (al-Qaḥṭānī, 2014). Namun begitu, bukanlah semua para sahabat RA sentiasa berada bersama-sama Rasulullah SAW pada setiap masa dan ketika, bahkan ada ketikanya mereka telah mendengar terus daripada Baginda SAW dan ada ketikanya mereka telah mendengar daripada sahabat lain yang telah mendengar terus daripada Baginda SAW. (al-Bukhari, 1993).

Walaupun begitu, para sahabat RA tidak pernah berdusta ke atas sesama sendiri, apatah lagi atas nama Rasulullah SAW. Ini adalah sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Anas RA dengan kata-katanya:

“Bukan semua *ḥadīth* yang kami riwayatkan kepada kalian telah kami dengari daripada Rasulullah SAW tetapi ia telah disampaikan kepada kami oleh sahabat-sahabat kami. Kami adalah satu kaum yang tidak menipu sesama sendiri.” (al-Khaṭīb, t.t).

Berdasarkan pelbagai riwayat daripada para sahabat RA dalam isu ini dapatlah disimpulkan bahawa permulaan mengambil berat berkaitan *al-sanad* telah wujud pada zaman mereka lagi. Mereka telah mengisytiharkan kepada kepentingan syarat ‘bersikap benar dalam riwayat’ dengan menyatakan bahawa mereka tidak berdusta sesama sendiri. Mereka juga telah membezakan antara *al-samā’ al-mubāsyir* (riwayat secara terus) dan *al-samā’ ‘an al-wāṣiṭah* (riwayat melalui perantaraan). Asas penting ini telah diberikan perhatian utama oleh para ulama dalam perbahasan *ittiṣāl al-sanad* yang terangkum di bawahnya pelbagai perincian melibatkan *inqiṭā’*, *irsāl*, *an’anah* dan *tadlīs* (Ibn Hājir, 2000).

## 2. Kritikan Matan

Kritikan terhadap matan *ḥadīth* telah berlaku sejak zaman sahabat RA lagi. Mereka begitu berhati-hati dalam menerima sesuatu *ḥadīth* daripada Rasulullah SAW. Jika mereka mendapati satu kenyataan yang ‘pelik’ dalam sesebuah *ḥadīth* kerana zahirnya bertentangan dengan *al-Qurān* atau *ḥadīth* lain yang *masyhūr*, maka mereka akan menzahirkan kritikan terhadap isi kandungan *ḥadīth* tersebut.

‘Āisyah RA adalah antara sahabat yang terkehadapan dalam bab ini. Al-Zarkasyī (2001) telah mengumpulkan kritikan-kritikan beliau terhadap sejumlah *ḥadīth* yang telah diriwayatkan oleh para sahabat RA yang lain dan beliau telah memberikan jawapan kepada kritikan-kritikan tersebut.

Antaranya ialah *ḥadīth* ‘mayat diazab kerana tangisan ahli keluarganya’ (al-Bukhari, 1993) dan *ḥadīth* ‘Rasulullah SAW melihat Allah SWT pada malam *al-isrā’* dan *al-mi’rāj*’ (al-Tirmidzī, 1996).

Selain ‘Āisyah RA, ‘Umar RA juga telah melakukan kritikan terhadap matan *ḥadīth*. Beliau tidak beramal dengan *ḥadīth* Fāṭimah Bint Qays RA bahawa Rasulullah SAW tidak memutuskan untuknya nafkah dan tempat tinggal apabila dia diceraikan oleh suaminya. ‘Umar RA berkata:

“Kami tidak akan meninggalkan *Kitābullāh* kerana riwayat seorang wanita yang mungkin terlupa.” (Abū ‘Awānah, 2014). ‘Āisyah RA juga telah menyatakan bahawa keputusan Rasulullah SAW itu adalah bersebab dan Fāṭimah RA tidak memahami sebab tersebut lalu meriwayatkan *ḥadīth* tersebut secara umum. (al-Bukhārī, 1993).

Praktis kritik matan yang telah diamalkan oleh para sahabat RA ini telah dijadikan sebagai panduan oleh para *muḥaddithūn*, *fuqahā* dan *uṣūliyyūn* yang datang selepas mereka. Walaupun terdapat perbezaan metodologi dalam bab ini antara tiga kumpulan ulama di atas secara umumnya, namun mereka sepakat bahawa sesebuah *ḥadīth* tidak boleh diterima secara sewenang-wenangnya tanpa sebarang kajian dan semakan semata-mata kerana ia dikatakan sebagai *ḥadīth* (Mu’taz al-Khaṭīb, 2011).

## 3. Berhati-Hati Dalam Menerima *Ḥadīth* Dan Mengurangkan Periwiyatan *Ḥadīth*

Para sahabat RA telah menunjukkan contoh teladan yang baik dalam bab ini. Sebagai contoh, Abū Bakr RA telah meminta perawi sokongan dalam masalah pembahagian harta pusaka kepada *al-jaddah* (nenek sebelah ayah atau ibu) apabila al-Mughīrah Ibn Syu’bah RA telah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah memberikan kepada *al-jaddah* sebanyak satu perenam. (Abū Dāwūd, 2009).

‘Umar RA juga telah meminta perawi sokongan dalam masalah *al-isti’dzān*. (al-Tirmidzī, 1996). Dalam peristiwa yang lain, ketika ‘Umar RA menghantar Ka’b al-Qurazhī ke Kūfah, beliau telah berkata:

“Sesungguhnya kalian akan mendatangi satu kaum yang mana *al-Qurān* dalam dada-dada mereka adalah seperti bunyi kendi yang menggelegak. Jika mereka melihat kalian, mereka akan menghampiri kalian dan berkata: “Ini adalah para sahabat Muhammad SAW.” Hendaklah kalian besederhana dalam meriwayatkan *ḥadīth* daripada Rasulullah SAW.” (Ibn Mājah, 2009).

Apabila Ibn ‘Abbās RA mendengar Busyair al-‘Adawī meriwayatkan *ḥadīth* daripada Rasulullah SAW, beliau tidak mengendahkan Busyair. Busyair berkata:

“Wahai Ibn ‘Abbās, kenapa engkau tidak mengendahkan percakapanku? Aku meriwayatkan kepada engkau *ḥadīth* Rasulullah SAW tetapi engkau tidak mendengarnya.” Ibn ‘Abbās RA berkata: “Dahulu, apabila kami mendengar seseorang meriwayatkan daripada Rasulullah SAW, maka kami akan segera mendengarnya dengan tekun dan teliti. Namun, apabila manusia semakin bermudahan dalam isu ini, maka kami tidak akan menerima daripada orang ramai kecuali apa yang kami ketahui.” (Muslim, 1955).

Praktis para sahabat RA ini telah menjadi asas kepada para ulama *ḥadīth* yang datang selepas mereka untuk lebih berhati-hati dalam menerima *ḥadīth* kerana mungkin berlakunya kesilapan dalam riwayat jika seseorang itu terlalu bermudah-mudah dan banyak meriwayatkan *ḥadīth*. Oleh yang demikian, para ulama *ḥadīth* telah mengkaji setiap jalur *ḥadīth* yang sampai kepada mereka melalui manhaj *sabr al-marwiyyāt* untuk mengenal pasti *syawāhid* dan *mutāba‘āt* bagi sesebuah *ḥadīth* untuk tujuan *taqwiyah* atau *ta’līl* (Tāriq, 1998).

### SEMAK *ḤADĪTH* DALAM KALANGAN *TĀBI‘ĪN*

Manhaj berhati-hati dalam berinteraksi dengan *ḥadīth* Rasulullah SAW ini telah diteruskan oleh anak murid para sahabat RA iaitu generasi *tābi‘īn*. Manhaj kritik *ḥadīth* semakin berkembang terutamanya selepas peristiwa pembunuhan khalifah ketiga umat Islam iaitu ‘Uthmān RA. Selepas peristiwa berdarah tersebut, umat Islam telah berpecah kepada beberapa aliran dan puak yang mempunyai ideologi mereka yang tersendiri. Setiap kumpulan tersebut telah berhujah dengan *al-Qurān* dan *al-Sunnah* sehinggakan ada yang membenarkan untuk berdusta atas nama Rasulullah SAW demi mempertahankan ideologi mereka (al-‘Umarī, 1967). Sebagai reaksi terhadap fenomena baru ini maka ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* telah memberikan penekanan terhadap kepentingan mengetahui status seseorang perawi *ḥadīth* daripada Rasulullah SAW. Antara slogan utama pada waktu tersebut ialah ‘Ilmu adalah agama, maka lihatlah daripada siapa kalian mengambil agama kalian’. (Muslim, 1955).

Muḥammad Ibn Sīrīn berkata: “Dahulu, mereka tidak bertanya berkaitan *isnād*. Namun, apabila terjadinya fitnah, para ulama berkata: “Sebutkanlah kepada kami *rijāl* kalian”. Lalu, mereka melihat kepada *Ahl al-Sunnah* lalu diterima *ḥadīth* mereka dan dilihat kepada *ahl al-bid‘ah* lalu ditinggalkan *ḥadīth* mereka.” (Muslim, 1955).

Berdasarkan kenyataan Ibn Sīrīn yang datang dalam bentuk jamak ini, ia menunjukkan bahawa manhaj ini adalah manhaj semua ulama dan bukannya manhaj individu tertentu. Ia adalah manhaj yang telah diasaskan oleh *al-Qurān* dan *ḥadīth* itu sendiri dan kemudiannya telah dipraktikkan oleh para sahabat RA sendiri untuk menjaga ketulenan wahyu yang menjadi tunjang dan tulang belakang bagi agama Islam.

### SEMAK *ḤADĪTH* PADA ZAMAN *ATBĀ‘ AL-TĀBI‘ĪN* DAN ULAMA SELEPAS MEREKA

Pada fasa ini, pelbagai cabang ilmu *ḥadīth* yang ‘bertaburan’ sudah mula dikumpulkan dengan lebih tersusun. Ia adalah sebagaimana ilmu-ilmu Islam lain yang mula dikumpulkan dan disusun dengan lebih baik pada fasa ini. Pada fasa ini telah berlakunya pengumpulan dan penulisan rasmi bagi *ḥadīth* Rasulullah SAW dengan perintah daripada ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Azīz (al-‘Awnī, 1996).

Para ulama tidak hanya memberikan perhatian kepada ilmu *ḥadīth riwāyatan* sahaja, bahkan mereka juga telah melakukan analisa kritis terhadap *ḥadīth* secara *dirāyatan*. Oleh sebab itu, lahirlah pelbagai ilmu yang berkhidmat kepada ilmu *ḥadīth dirāyatan* seperti '*ilm al-rijāl*', '*ilm al-jarḥ wa al-ta'dīl*' dan '*ilm 'ilal al-ḥadīth*'. Oleh kerana kritikan mereka banyak menggunakan istilah-istilah tertentu, maka selari dengan itu, wujudnya satu ilmu yang dinamakan sebagai '*ilm muṣṭalah al-ḥadīth*' untuk membantu memahami maksud kritikan mereka (al-'Awnī, 1996).

Kurun ketiga hijrah adalah kurun keemasan bagi ilmu *ḥadīth*. Pada kurun ini, berlakunya penulisan besar-besaran dalam pelbagai cabang ilmu *ḥadīth*. Dari sudut *riwāyatan*, pelbagai genre penulisan matan *ḥadīth* telah berlaku lalu lahirnya *al-masānīd*, *al-ṣiḥāḥ*, *al-sunan*, *al-mustakhrajāt*, *al-mustadrakāt*, *al-ma'ājim* dan lain-lain lagi. Pada fasa ini juga, semakin banyak penulisan berkaitan *rijāl al-ḥadīth*, *al-jarḥ wa al-ta'dīl* dan '*ilal al-ḥadīth*' (Īdū, 2016). Sumbangan utama para ulama *ḥadīth* pada fasa ini boleh disimpulkan dalam poin-poin di bawah:

### 1. Penulisan Genre *al-Ṣaḥīḥ al-Mujarrad*

- i. Pada awal kurun ke-2 Hijrah sehingga penghujung *marḥalah al-riwāyah* ini, telah muncul pelbagai genre kitab *ḥadīth* (al-Ṭaḥḥān, 2004). Namun, pada kurun ke-3 Hijrah, telah bermulanya gerakan untuk mengumpulkan *ḥadīth-ḥadīth* yang sahih dalam satu kitab. Penulisan dalam genre *al-Ṣaḥīḥ al-Mujarrad* ini menunjukkan betapa pentingnya penulisan dan pengasingan *ḥadīth* sahih dalam hasil karya tersendiri. Para ulama yang terlibat dalam penulisan genre ini, seolah-olah dapat merasakan bahawa umat Islam pada zaman mereka sudah semakin tidak mampu untuk menentukan status sesebuah *ḥadīth*. Antara hasil karya dalam genre ini ialah *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Muslim*, *Ibn Khuzaymah* dan *Ibn Ḥibbān*.

Hasil daripada idea ini, maka telah terhasilnya beberapa genre lain dalam penulisan kitab *ḥadīth* sebagaimana berikut:

- ii. *Al-Mustakhrajāt*. Kitab jenis ini akan menjadikan sesebuah kitab *ḥadīth* sebelumnya sebagai fokusnya, lalu penulis *al-mustakhraj* akan meriwayatkan *ḥadīth-ḥadīth* yang ada dalam kitab asal melalui sanadnya sendiri sehinggalah bertemu dengan guru kitab asal atau perawi di atasnya. Contohnya ialah *Mustakhraj Abī 'Awānah* dan *al-Ismā'īlī*. Antara tujuan penulisan genre ini adalah untuk menguatkan status *ḥadīth* yang telah diriwayatkan dalam *al-mustakhraj 'alayh*.
- iii. *Al-Mustadrakāt*. Kitab jenis ini mengumpulkan *ḥadīth-ḥadīth* yang memenuhi syarat bagi sesuatu kitab *ḥadīth* sebelumnya, tetapi penulis kitab asal tidak memasukkan *ḥadīth-ḥadīth* tersebut ke dalam kitab asalnya. Contohnya ialah *al-Ilzāmāt* oleh al-Dāraqūṭni ke atas *al-Syaykhayn* dan *al-Mustadrak 'ala al-Ṣaḥīḥayn* oleh al-Ḥākim.

### 2. Penulisan Dalam '*Ilm Rijāl al-Ḥadīth Dan al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, para ulama *ḥadīth* telah melakukan kritikan yang menyeluruh ke atas sesebuah *ḥadīth* untuk memastikan bahawa *ḥadīth-ḥadīth* tersebut adalah benar-benar bersumber daripada Rasulullah SAW.

Kritikan utama mereka adalah ke atas para perawi *ḥadīth* menerusi tiga aspek utama iaitu '*ādālah al-rāwī*', *dabṭ al-rāwī* dan *ittiṣāl al-sanad* antara setiap seorang perawi yang berada dalam rantaian sanad tersebut. Oleh sebab itu, para ulama *ḥadīth* pada fasa ini telah mula menulis kitab-kitab berkaitan permasalahan ini.

Antara kitab utama dalam permasalahan ini ialah *al-Du'afā'* oleh Yaḥyā Ibn Sa'īd al-Qaṭṭān, *al-Tārīkh wa al-Wafāyāt* oleh 'Abdullāh Ibn al-Mubārak, *al-Tārīkh* oleh Khalīfah Ibn Khayyāt, *al-Du'afā' al-Ṣaghīr*, *Al-Du'afā' al-Awṣaṭ* dan *Al-Du'afā' al-Kabīr* oleh al-Bukhārī, *al-Du'afā' wa al-Matrūkūn* oleh

al-Nasāī, *al-Tārīkh al-Kabīr* oleh al-Bukhārī, *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* oleh Ibn Abī Ḥātim, *al-Du'afā'* oleh al-'Uqaylī, *al-Kāmil fī Du'afā' al-Rijāl* oleh Ibn 'Ādī, *al-Thiqāt* dan *al-Majrūḥīn* oleh Ibn Ḥibbān.

### 3. Penulisan Dalam 'Ilm 'Ilal al-Ḥadīth

Para ulama *ḥadīth* telah meletakkan dua syarat tambahan untuk sesebuah *ḥadīth* itu dinilai sebagai sahih iaitu 'adam al-syudzūd dan 'adam al-'illah untuk memastikan bahawa tiada kesilapan yang berlaku dalam sesebuah riwayat *ḥadīth*. Majoriti ulama *ḥadīth* hanya akan mengkelaskan sesuatu *ḥadīth* itu sebagai *ma'lūl* jika sanadnya adalah bersih dan selamat daripada sebarang kecacatan pada zahirnya tetapi sebenarnya ia mempunyai 'illah *khafīyyah* dan *qādiḥah* (Ibn Ḥajr, 2000).

Ilmu 'ilal al-ḥadīth adalah satu ilmu yang sangat penting dalam bidang *ḥadīth* kerana ia melibatkan kesilapan-kesilapan yang berlaku dalam riwayat para perawi yang *thiqāt*. Bagi mereka yang bukan pakar dalam bidang ini, mereka akan menganggap *ḥadīth-ḥadīth* yang sebenarnya *ma'lūl* sebagai sahih kerana 'terpedaya' dengan status *thiqah* para perawinya.

Oleh sebab itu, para *nuqqad ḥadīth* memberikan tumpuan yang besar terhadap ilmu ini. Walaubagaimanapun, hanya sedikit sahaja ulama *ḥadīth* yang mampu bercakap mengenai ilmu ini kerana ia adalah ilmu yang sangat rumit.

Pelbagai hasil karya telah ditulis oleh mereka untuk menerangkan kesilapan-kesilapan yang berlaku pada riwayat para perawi *thiqah*. Antaranya ialah *al-'Ilal* oleh Sufyān Ibn 'Uyaynah, *al-'Ilal* oleh Yaḥyā Ibn Sa'īd al-Qaṭṭān, *al-'Ilal* oleh 'Alī Ibn al-Madīnī, *al-'Ilal wa Ma'rifat al-Rijāl* oleh Aḥmad Ibn Ḥanbal, *al-'Ilal al-Kabīr* oleh al-Tirmidzī, *al-'Ilal* oleh Ibn Abī Ḥātim dan *al-'Ilal* oleh al-Dāraquṭnī.

### SEMAK ḤADĪTH PADA ZAMAN MĀ BA'D AL-RIWĀYAH (AWAL KURUN KE-6)

Pada fasa ini, didapati bahawa penekanan kepada sanad semakin menurun dan menghilang dan tumpuan utama pengajian *ḥadīth* adalah terhadap kitab-kitab utama yang telah ditulis dalam pelbagai cabang ilmu *ḥadīth*. Usaha dan sumbangan mereka kebanyakannya adalah tertumpu ke arah memelihara kitab-kitab *ḥadīth* yang telah ditulis sebelum ini. Mereka juga telah berusaha untuk memudahkan, meringkaskan dan mensyarahkan *ḥadīth* (al-Malabārī, 2003).

Sebahagian usaha dan sumbangan signifikan ulama *ḥadīth* pada fasa ini bolehlah diringkaskan dalam poin-poin di bawah:

#### 1. Memudahkan Ilmu *Rijāl al-Ḥadīth* Dan *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*

Memandangkan tumpuan fasa ini adalah pada kitab-kitab *ḥadīth* yang masyhur dan kerana semakin ramai ulama yang jauh daripada perbincangan sanad-sanad *ḥadīth*, maka para ulama *ḥadīth* telah mengambil inisiatif untuk memudahkan perkara ini. Oleh sebab itu, mereka cuba mengumpulkan dan menyusun para perawi *ḥadīth* dan semua maklumat yang berkaitan dengan mereka di satu tempat. Kitab-kitab tersebut di susun mengikut perawi kitab tertentu seperti *al-Sunan al-Sittah* atau status perawi seperti kitab yang mengumpulkan perawi yang lemah sahaja. Antara kitab tersebut ialah:

- i. *Rijāl al-Kutub al-Sittah* seperti *al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl* oleh 'Abd al-Ghanī al-Maqdisī, *Tahdzīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*, *Tahdzīb al-Tahdzīb* dan *Taqrīb al-Tahdzīb* oleh Ibn Ḥajr.
- ii. Perawi dalam permasalahan tertentu seperti *Ṭabaqāt al-Mudallisīn* oleh Ibn Ḥajr, *Asmā' al-Mudallisīn* oleh al-Suyūṭī dan *al-Mukhtalifīn* oleh al-'Alā.
- iii. Perawi *ḍa'īf* seperti *Mizān al-'Iṭidāl fī Naqd al-Rijāl* oleh al-Dzahabī dan *Lisān al-Mizān* oleh Ibn Ḥajr.

## 2. *Takhrīj al-Ḥadīth*

Penulisan dalam genre ini telah mendapat perhatian para ulama *ḥadīth* kerana para ulama semakin jauh daripada ilmu *naqd al-ḥadīth*. Mereka tidak mengambil berat tentang isu ini atau mereka tidak mempunyai kemampuan untuk membezakan antara *ḥadīth* yang *ṣaḥīḥ*, *da‘īf*, *wāḥī* dan palsu. Oleh sebab itu, telah ditemui pelbagai *ḥadīth* yang tersangat lemah bahkan palsu dalam pelbagai karya ilmu Islam yang membawa kepada penulisan kitab-kitab khusus yang mengumpulkan *ḥadīth mawḍū‘* dan *la aṣla lah*.

Gerakan *takhrīj al-ḥadīth* ini merangkumi pelbagai cabang ilmu seperti *fiqh*, tafsir, *uṣūl al-fiqh* dan lain-lain. Antaranya ialah:

- i. *Takhrīj* kitab *fiqh* seperti *Nasb al-Rāyah fi Takhrīj Aḥādīth al-Hidāyah* oleh al-Zayla‘ī dan *al-Badr al-Munir fi Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi‘ī al-Kabīr* oleh Ibn al-Mulaqqin.
- ii. *Takhrīj* kitab tafsir seperti *Takhrīj Aḥādīth al-Kassyaf* oleh al-Zayla‘ī.
- iii. *Takhrīj* kitab *Uṣūl al-Fiqh* seperti *Takhrīj Mukhtaṣar Ibn al-Ḥājib* oleh Ibn Ḥajr.
- iv. *Takhrīj* kitab *al-Sīrah al-Nabawiyah* seperti *Manāhil al-Ṣafā fi Takhrīj Aḥādīth al-Syifā* oleh al-Suyūṭī.
- v. *Takhrīj* kitab *al-taṣawwuf* dan *al-wa‘zh* seperti *Takhrīj Aḥādīth Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* oleh al-‘Irāqī dan al-Zabīdī.

## SEMAK ḤADĪTH KONTEMPORARI

Antara usaha dan sumbangan para ulama *ḥadīth* kontemporari yang membantu proses semak *ḥadīth* ialah:

### 1. Suntingan Manuskrip Beserta *Takhrīj al-Ḥadīth*

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, para ulama Islam sejak daripada zaman Rasulullah SAW telah menulis *ḥadīth-ḥadīth* Rasulullah SAW. Gerakan penulisan ini semakin berkembang melibatkan kedua-dua fasa iaitu *marḥalah al-riwāyah* dan *marḥalah ma ba‘d al-riwāyah* (al-Malabārī, 2003). Hasil karya dan penulisan para ulama tersebut adalah dalam bentuk tulisan tangan dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi sehinggalah kepada kita hari ini.

Oleh kerana hasil karya ulama terdahulu adalah dalam bentuk penulisan tangan dan alat percetakan masih belum wujud pada zaman mereka, maka para ulama moden telah meneroka satu ilmu baru iaitu ilmu kajian manuskrip. Tujuannya ialah supaya manuskrip-manuskrip tersebut dapat dicetak kembali menggunakan alat percetakan moden sebagaimana yang kita lihat pada hari ini.

Terdapat beberapa pusat percetakan dan *tahqīq al-makḥūṭāt* yang masyhur pada kurun lepas iaitu seperti *Maṭba‘ah al-Bābī al-Ḥalabī* di Mesir dan *Dāirat al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah* di Haydarābad al-Dakan di India. Pelbagai manuskrip telah ditahqīq di sini.

Pada zaman sekarang, usaha untuk mentahqīq manuskrip, terutamanya dalam bidang *ḥadīth* begitu giat dijalankan. Usaha-usaha ini sama ada bersifat perseorangan atau bersifat institusi. Sumbangan mereka tidak terhenti hanya pada menyunting manuskrip sahaja, bahkan mereka juga telah melakukan *takhrīj* terhadap *ḥadīth-ḥadīth* yang wujud dalam manuskrip tersebut.

Antara tokoh perseorangan dan institusi yang terkenal dalam bidang ini ialah:

- i. Aḥmad Muḥammad Syakir. Beliau telah mentahqīq sebahagian *Musnad Aḥmad*, *Sunan al-Tirmidzī*, *Risālah al-Syāfi‘ī* dan lain-lain.
- ii. Syu‘aib al-Arnaūṭ. Beliau banyak mentahqīq dan menyelia kerja ini. Antara hasilnya ialah *tahqīq Musnad Aḥmad*, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān (Tartīb Ibn Balbān)*, *Sunan al-Tirmidzī*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Sunan Ibn Mājah*, *al-Sunan al-Kubrā* oleh al-Nasāī dan lain-lain.



- iii. Bassyār ‘Awwād Ma’rūf. Beliau telah *mentahqīq Tārīkh al-Islām* oleh al-Dzahabī dan *Tahdzīb al-Kamāl fi Asmā’ al-Rijāl* oleh al-Mizzī.
- iv. Dār al-Ta’šīl. Pusat percetakan ini telah *mentahqīq* dan mencetak kitab-kitab *ḥadīth*.

## 2. Mewujudkan Pengkhususan *Ḥadīth* Di Pusat Pengajian Tinggi

Ilmu *ḥadīth* telah mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi sama ada secara sistem traditional atau universiti.

### Sistem Tradisional

Pengajian *ḥadīth* secara tradisional sangat sinonim dengan benua India. Mereka telah memberikan tumpuan untuk mengajarkan kitab-kitab *ḥadīth* utama untuk para pelajar tahun akhir sistem *Dars Nizhāmī* yang biasanya dikenali dengan nama sistem Deobandi. Ulama di sana telah menulis pelbagai hasil karya yang melibatkan ilmu *ḥadīth* dalam bahasa Arab dan Urdu. Hasil karya tersebut biasanya adalah himpunan ilmu sepanjang tempoh pengajaran mereka bagi kitab-kitab yang menjadi sukatan pelajaran. Manhaj pengajian mereka juga menekankan kepada kepentingan berinteraksi dengan *ḥadīth* berdasarkan manhaj yang benar sama ada secara *riwāyatan* atau *dirāyatan*.

Aliran ini berasal di India dan kemudiannya telah tersebar ke seluruh dunia. Antara pusat pengajian yang mengikuti aliran tersebut ialah Dār al-‘Ulūm Deoband (India), Jāmi’ah Mazhāhir al-‘Ulūm Saharanpur (India), Dār al-‘Ulūm Karachi (Pakistan), Madrasah Miftāh al-‘Ulūm Sri Petaling (Malaysia), Madrasah al-Qurān Kubang Bujuk (Malaysia), Dār al-‘Ulūm Zakariyya (Afrika Selatan), Dār al-‘Ulūm Azadville (Afrika Selatan), Madrasah In’āmiyyah (Afrika Selatan), Dār al-‘Ulūm London (England), Dār al-‘Ulūm Bury (England), Dār al-‘Ulūm Dewsbury (England), Dār al-‘Ulūm New York (Amerika Syarikat), Dār al-‘Ulūm al-Medinia (Amerika Syarikat) dan Dār al-‘Ulūm Canada (Canada).

### Sistem Universiti

Pengajian *ḥadīth* juga mendapat tempat di universiti-universiti moden. Sebagaimana yang diketahui umum, terdapat tiga peringkat pengajian utama di sesebuah universiti iaitu Ijazah Pertama, Masters dan PhD. Terdapat universiti yang mempunyai pengkhususan *ḥadīth* bermula daripada peringkat Ijazah Pertama sehinggalah ke Phd, manakala sebahagian universiti pula membuat campuran pengajian *al-Qurān* dan *al-Sunnah*.

Pada peringkat Ijazah pertama, para pelajar diperkenalkan dengan pelbagai cabang ilmu *ḥadīth*. Walaupun peringkat ini lebih kepada proses *talaqqī*, namun para pelajar juga telah didedahkan dengan kajian ilmiah. Pendedahan awal ini adalah untuk melengkapkan mereka dengan pra syarat untuk membuat penyelidikan ilmiah yang lebih mendalam berkaitan *ḥadīth* pada peringkat Masters dan PhD nanti.

Antara universiti terkemuka dalam bidang *ḥadīth* ialah Universiti Islam Madinah (Arab Saudi), Universiti Umm al-Qurā (Arab Saudi), Universiti al-Azhar (Mesir), The University of Jordan (Jordan), Dār al-Ḥadīth al-Ḥasaniyyah (Maghribi), Universiti Islam Antarabangsa Islamabad (Pakistan), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia), Universiti Sains Islam Malaysia (Malaysia), Universiti Sains Malaysia (Malaysia), Universiti Kebangsaan Malaysia (Malaysia) dan Universiti Malaya (Malaysia).

## 3. Penubuhan Markaz Dan Institut Kajian *Ḥadīth*

Di samping universiti, terdapat juga pusat-pusat penyelidikan yang mengkhusus kepada bidang *ḥadīth*. Mereka terlibat dengan pelbagai khidmat seperti *mentahqīq* manuskrip, menganjurkan seminar, penulisan, penerbitan, khidmat nasihat dan lain-lain.

Antara pusat-pusat kajian *ḥadīth* yang terkemuka ialah Markaz al-Sunnah wa al-Turāth al-Nabawī li al-Dirāsāt wa al-Tadrīb, al-Dalīl ila al-Sunnah al-Nabawiyah, Markaz Nibrās li al-Sunnah al-Nabawiyah, Markaz Buḥūth al-Sunnah al-Nabawiyah, Markaz Iḥsān li Dirāsāt al-Sunnah al-Nabawiyah dan Jam'iyat al-Ḥadīth al-Syarīf wa Ihyā' al-Turāth al-Urduniyyah.

#### 4. Pendigitalan Ilmu *Ḥadīth*

Selari dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat, ilmu *ḥadīth* juga telah mengikuti perkembangan semasa. Terdapat beberapa aplikasi dan website yang telah dibangunkan untuk tujuan ini. Antara yang utama ialah Al-Maktabah al-Syāmilah, Jāmi' Khādim al-Ḥaramayn al-Syarīfayn li al-Sunnah al-Nabawiyah al-Muṭahharah, Mawsū'at al-Ḥadīth al-Syarīf oleh Syarikat Ḥarf li Taqniyat al-Ma'lūmāt, Barnāmij al-Kutub al-Tis'ah oleh Ḥarf li Taqniyat al-Ma'lūmāt dan Aplikasi Ḥifz al-Sunnah al-Nabawiyah.

### KESIMPULAN

Ilmu *ḥadīth* telah melalui sejarah yang panjang dan ia telah melalui pelbagai fasa naik dan turun. Namun, Allah SWT telah berjanji untuk memelihara agama Islam kerana ia adalah satu-satunya agama yang diredei dan diiktiraf oleh Allah SWT. Para ulama *ḥadīth* sepanjang zaman telah berkorban masa, harta dan tenaga mereka untuk memastikan kesahihan sesebuah *ḥadīth* yang disandarkan kepada Rasulullah SAW dan kemudiannya *ḥadīth* tersebut difahami dan diamalkan dengan cara yang betul. Ilmu *ḥadīth* boleh dibahagikan kepada dua fasa utama iaitu *marḥalah al-riwāyah* dan *marḥalah ma ba'd al-riwayah*. Fasa yang pertama yang berakhir pada penghujung kurun 5H lebih menekankan kepada periwayatan *ḥadīth* Rasulullah SAW melalui mekanisma sanad, lalu lahirlah pelbagai ilmu untuk memastikan kesahihan *ḥadīth riwāyatan* dan *dirāyatan* seperti ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*, ilmu *al-Rijāl*, *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* dan *'Ilal al-Ḥadīth*. Fasa yang kedua pula lebih tertumpu kepada memelihara kitab-kitab *ḥadīth* yang telah dihasilkan pada fasa pertama di samping melakukan pelbagai khidmat untuk memudahkan penyampaian ilmu *ḥadīth* kepada generasi semasa. Berdasarkan hujah dan fakta yang telah dinyatakan dalam kajian ini, terbuktilah bahawa kempen 'Semak *Ḥadīth* Sebelum Sebar' adalah kempen yang berlandaskan tuntutan agama Islam itu sendiri yang berasaskan kepada pelbagai dalil daripada *al-Qurān* dan *ḥadīth*. Kempen tersebut juga adalah tradisi para ulama Islam zaman berzaman dan merentasi aliran pemikiran dalam akidah, fiqh dan juga tasawuf dan bukannya dakyah Wahabi sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh sebahagian pihak yang tidak bertanggungjawab. Kempen ini mempunyai tujuan yang murni iaitu untuk memelihara kesahihan dan ketulenan *ḥadīth* Rasulullah SAW daripada sebarang anasir yang tidak elok terutamanya penyebaran *ḥadīth mawḍū'* dan *ḥadīth la aṣlah*. Perbezaan pendapat dalam menilai *ḥadīth* adalah perkara yang biasa berlaku dalam kalangan ilmuan *ḥadīth*, namun mereka tidak pernah sesekali menutup pintu untuk menyemak dan memastikan status sesebuah *ḥadīth* semata-mata kerana ia wujud dalam sesebuah kitab.

### PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Department of Hadīth, School of Syarī'ah, The University of Jordan kerana telah memberikan peluang kepada penulis untuk menulis artikel ini dan seterusnya membentangkannya pada seminar SEMINAR WARISAN NABAWI VIII (SWAN 2022) anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Penulis juga memanjangkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak SWAN 2022 dan USIM kerana telah memberikan peluang kepada penulis untuk menyertai seminar tersebut.

**RUJUKAN**

Al-Qurān al-Karīm

‘Īdū, M.‘Ī. (2016), Nasy`at ‘Ilm al-Muṣṭalaḥ wa al-Ḥad al-Fāṣil bayn al-Mutaqaddimīn wa al-Mutaakhirīn, c.1, al-Urdun: al-Arwiqah li al-Dirāsāt.

Abū ‘Awānah, Y. I. (2014), al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukharraj ‘ala Ṣaḥīḥ Muslim, Taḥqīq: Farīq min al-bāḥithīn, c.1, al-Madīnah: al-Jāmi`ah al-Islāmiyyah.

Abū ‘Imārah, M. M. (2010), Aḍwā’ ‘ala al-Madāris Ḥadīthiyyah: al-Nasy`ah wa al-Taṭawwur, c.1, Miṣr: Maktabat al-Īmān.

Abū Dāwūd, S.A. (2009), al-Sunan, Taḥqīq: Syu`ayb al-Arnaūṭ dan Muḥammad Kāmil, c.1, Bayrūt: Dār al-Risālah al-Ālamiyyah.

Abū Zayd, B.A. (1992), Ma`rifat al-Nusakh wa al-Ṣuḥuf al-Ḥadīthiyyah, c.1, al-Riyāḍ: Dār al-Rāyah.

Al-‘Awnī, Ḥ. ‘Ā. (1996), al-Manhaj al-Muqtarah li Fahm al-Muṣṭalaḥ, c.1, al-Riyāḍ: Dār al-Hijrah.

Al-‘Umarī, A. Ḍ. (t.t), Mawqif al-Istisyraq min al-Sīrah al-Nabawiyyah, al-Madīnah: al-Jāmi`ah al-Islāmiyyah.

Al-A`zhamī, M.M. (1980), Dirāsāt fi al-Ḥadīth al-Nabawī, c.1, Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.

Al-Bukhārī, M.I. (1993), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Taḥqīq: Muṣṭafā Dīb al-Bughā, c.5, Dimasyq: Dār Ibn Kathīr.

Al-Ḥakamī, Ḥ.M. (1433), Manhaj al-Muḥaddithīn fi al-Naqd, c.1, al-Riyāḍ: Dār al-Ṣamī`ī.

Al-Khaṭīb, A. A. (t.t), al-Kifāyah fi ‘Ilm al-Riwāyah, Taḥqīq: Abū ‘Abdillāh al-Sūraqī dan Ibrāhīm Ḥamdī al-Madanī, al-Hind: Dāirat al-Ma`ārif al-‘Uthmāniyyah.

Al-Malabārī, Ḥ.A. (2001), al-Muwāzanah bayn al-Mutaqaddimīn wa al-Mutaakhirīn fi Taṣḥīḥ al-Aḥādīth wa Ta`līliha, c.2, Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm.

Al-Malabārī, Ḥ.A.(2003). Nazharāt Jadīdah fi ‘Ulūm al-Ḥadīth, c.1, Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm.

Al-Qaḥṭānī, A.A (2014). Al-Ṣaḥābah wa al-Ṣuḥbah wa Syubuhāt Ḥawl ‘Adālat al-Ṣaḥābat wa Ḍabṭihim: ‘Ard wa Naqd, c.1, al-Riyāḍ: Dār al-‘Āṣimah.

Al-Qaraḍāwī, Y.A (1992). Kayfa Nata`āmal Ma` al-Sunnah al-Nabawiyyah: Ma`ālim wa Ḍawābīṭ, c.5, Maṣūrah: Dār al-Wafā.

Al-Sibā`ī, M.H. (1982), al-Sunnah wa Makānatuhā fi al-Tasyrī` al-Islāmī, c.3, Dimasyq: al-Maktab al-Islāmī.

Al-Suyūṭī, ‘A.R. (1988), ‘Ayn al-Iṣābah fi Istidrāk ‘Āisyah ‘ala al-Ṣaḥābah, Taḥqīq: ‘Abdullāh Muḥammad al-Darwīsy, c.1, al-Qāhirah: Maktabat al-‘Ilm.

Tāriq, I.M. (1998). Al-Irsyādāt fi Taqwiyyat al-Aḥādīth bi al-Syawāhid wa al-Mutāba`āt, c.1, al-Qāhirah: Maktabat Ibn Taymiyyah.

Al-Tirmidzī, M. ‘I. (1996), al-Jāmi` al-Kabīr, Taḥqīq: Bassyār ‘Awwād Ma`rūf, c.1, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Al-'Umarī. A.Ḍ (1967). Buḥūth fi Tāriḫ al-Sunnah al-Musyarrifah, c.1, al-Madīnah: Maktabat al-'Ulūm wa al-Ḥikam.

Al-Zarkasyī, M.A. (2001), al-Ijābah lima Istadrakathu 'Āisyah 'ala al-Ṣaḥābah, Taḥqīq: Rif' at Fawzī, c.1, al-Qāhirah: Maktabah Khānjī.

Ibn Ḥajr, A.A. (2000). Nuzhat al-Nazhar fi Tawḍīḥ Nukhbat al-Fikar fi Muṣṭalaḥ Aḥl al-Athar, c.3, Taḥqīq: Nūr al-Dīn 'Itr, Dimasyq: Maṭba'ah al-Ṣabāḥ.

Ibn Mājah, M.Y. (2009), al-Sunan, Taḥqīq: Syu'aib al-Arna'ūt dan lain-lain, c.1, Bayrūt: Dār al-Risālah al-'Ālamīyyah.

Itr, N.D (1981), Manhaj al-Naqd fi 'Ulūm al-Ḥadīth, c.3, Dimasyq: Dār al-Fikr.

Mālik. (2004), al-Muwatta', Taḥqīq: Muḥammad Muṣṭafā al-A'zhamī, c.1, Abū Zhabī: Muassasah Zayid Ibn Ṣulṭān Āl Nahyān.

Mu'taz, A. (2011). Radd al-Ḥadīth min Jihat al-Matn: Dirāsāt fi Manāhij al-Muḥaddithīn wa al-Uṣūliyyīn, c.1, Bayrūt: al-Syabakah al-'Arabīyyah.

Muslim. (1955), Ṣaḥīḥ Muslim, Taḥqīq: Muḥammad Fuād 'Abd al-Bāqī, Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.

Ṭaḥḥān, M.A. (2004), Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth, c.10, al-Riyād: Maktabat al-Ma'ārif.